

Raja Permaisuri Agong Rasmi Malaysia International Jewellery Fair 2012
Bernama
19 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan merasmikan "Malaysia International Jewellery Fair (MIJF) 2012" yang mempamerkan 300,000 koleksi barang kemas dari 20 negara.

Tuanku Hajah Haminah turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Elite Expo Sdn Bhd dan Jeweller Associations of Malaysia (FGJAM) yang bertujuan menggalakkan pembangunan industri barangan kemas tempatan melalui penyertaan pameran barangan kemas antarabangsa serta menjalin kerjasama.

Elite Expo diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Johnson Lim dan FGJAM diwakili oleh presidennya Ng Yih Pyng.

Baginda juga dipersembahkan dengan pertunjukan barangan kemas dari lima pengeluar barangan kemas terkemuka iaitu Atelier Jewellery, Mogok Jewels, Supreme Gems dan Tomei Consolidated Berhad.

MIJF yang akan berlangsung selama empat hari bermula Khamis disertai lebih 200 syarikat barangan kemas terkemuka dan dijangka menarik lebih 18,000 pelawat terdiri daripada pedagang dan pembeli berpotensi.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681934>

